

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]

SOALAN NO. 169

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi Kerajaan untuk membekalkan sarapan percuma kepada semua murid dan bagaimana pelaksanaan peruntukan program sarapan percuma (PSP) bagi murid sekolah rendah pada tahun 2020 setelah diteliti oleh jawatankuasa khas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Laporan Teknikal ***National Health and Morbidity Survey 2017- Adolescent Nutrition Survey (NHMS)***, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan status pengambilan sarapan pagi dalam kalangan murid-murid bersekolah di Malaysia adalah tidak menyeluruh. Manakala Laporan Bank Dunia bertajuk ***Malaysia Economic Monitor: Realizing Human Potential***, 2018, menunjukkan kadar kanak-kanak yang terbantut masih tinggi di Malaysia. Justeru, tindakan pencegahan perlu dilaksanakan dengan menerapkan amalan pemakanan yang seimbang dalam kalangan **semua murid** sekolah rendah melalui pengambilan sarapan pagi yang berkhasiat.

NO. SOALAN: 169

Program sarapan Pagi (PSP) akan dilaksanakan bermula pada sesi persekolahan 2020 mengikut kaedah yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk PSP dengan mengambilkira peruntukan yang diluluskan. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan pelaksanaan PSP berjalan lancar, memenuhi objektif dan dapat dilaksanakan secara berterusan.

Walau bagaimanapun pelaksanaan program ini pada tahun 2020 bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

RT11/93